

**Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian
Universiti Malaya**



**Suliana bt Sulaiman
WEK 000459**

Perpustakaan SKTM

**Laporan ini merupakan sebahagian daripada keperluan ijazah sarjana
muda sains komputer dan teknologi maklumat, Universiti Malaya, 2002/2003**

Support tools to read in jawi
(Alat bantuan untuk Membaca dalam Jawi)
e-Ja

Khas buat :

En Sulaiman b. Sarkawi
Pn Yang Chek bt Idris

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak

Latihan ilmiah yang dijalankan adalah bertajuk alat bantuan untuk membaca dan menulis dalam jawi (*support tools to read and write in jawi*) atau nama lainnya e-Ja. Tajuk latihan ilmiah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu membaca dan menulis. Saya telah ditugaskan untuk menghasilkan bahagian membaca. Dewasa ini, tulisan jawi sering kali diketepikan oleh pelbagai pihak. Tanpa kita sedari, lama-kelamaan ianya akan luput dengan peredaran zaman. Ramai di antara masyarakat kita yang tidak boleh membaca serta menulis dalam tulisan jawi. Jadi untuk mengatasi masalah ini, satu perisian yang boleh membantu seseorang yang ingin belajar membaca dan juga menulis dalam jawi dicadangkan untuk diwujudkan. Ia juga boleh dijadikan alat bantuan pembelajaran oleh guru-guru semasa di sekolah.

e-Ja bermaksud elektronik jawi asas yang mana ianya sesuai digunakan oleh mereka dalam lingkungan umur 8-12 tahun. Penghasilan perisian ini adalah berdasarkan daripada soal selidik yang dilakukan ke atas orang ramai dari pelbagai kategori umur mengenai masalah yang sering kali mereka hadapi untuk membaca dalam jawi.

Teknik membaca berdasarkan suku kata diperkenalkan kepada pengguna. Mereka yang ingin belajar membaca bolehlah bermula dengan mengeja melalui suku kata. Setiap suku kata yang dieja akan dipadankan dengan huruf rumi. Ini bertujuan untuk memudahkan lagi pembelajaran terutama bagi mereka yang telah menguasai huruf-huruf rumi.

Perisian ini mempunyai lima halaman iaitu halaman utama, membaca, mengenal huruf dan suku kata, mari mengeja dan juga latihan. Teknik kepintaran buatan yang

digunakan adalah proses morfologi yang mana ianya memberi penekanan terhadap penggunaan *affix* dan juga penghasilan perkataan.

Allhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi Yang Maha Esa kerana dengan limpah karunianya, keberkatan dan keizinanNya maka saya dapat menyempurnakan projek WXES 3131 ini.

Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan sekaligus penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Rukaini di atas tunjuk ajar, kerna membina, pandangan dan nasihat yang diberi bagi memastikan cadangan projek ini dapat disiapkan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan khas buat En Nur Ridwan selaku padermitor untuk projek ini dan tidak ketinggalan juga kepada Dr. Sapiya yang telah banyak memberikan panduan untuk menyiapkan projek ini.

Rakaman ucapan terima kasih ini juga ditujukan buat ayah dan ibu tercinta iaitu En Sulaiman dan juga Puan Yang Ghah dan juga ahli keluarga yang telah banyak memberikan dorongan, galakan dan semangat untuk meneruskan projek ini demi mendaki syairi keperluan pengantaraan bahasa sajarah muda sains komputer dengan bahasa (keperluan). Hati yang kaku tabukan tidak akan saya lupakan selagi saya hidup.

Saya ini tidak lupa juga kepada saudara yang telah membantu dalam segala hal yang berkaitan, Wati Zahir, Anisah, Norhish dan semua yang banyak memberi dorongan dan galakan. Banyak terima kasih yang diberikan akan dibayar sepanjang hayat.

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnianya, keberkatan dan keizinaNya maka saya dapat menyempurnakan projek WXES 3181 ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Rukaini di atas tunjuk ajar, komen membina, pandangan dan nasihat yang diberi bagi memastikan cadangan projek ini dapat disiapkan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan khas buat En Nor Ridzwan selaku moderator untuk projek ini dan tidak ketinggalan juga kepada Dr Sapiyan yang telah banyak memberikan panduan untuk menyiapkan projek ini.

Rakaman ucapan terima kasih ini juga ditujukan buat ayah dan ibu tercinta iaitu En Sulaiman dan juga Puan Yang Chek dan juga ahli keluarga yang telah banyak memberikan dorongan, galakan, dan semangat untuk meneruskan projek ini demi memenuhi syarat keperluan penganugerahan ijazah sarjana muda sains komputer dengan kepujian (kepintaran buatan). Budi yang kalian taburkan tidak akan saya lupakan selagi ada hayat ini.

Selain itu tidak lupa juga kepada mereka yang telah membantu dalam segala hal iaitu Fauziah, Wan, Zahir, Amrah, Noridah dan semua yang banyak memberi dorongan dan galakan. Segala kerjasama yang diberikan akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang membantu dalam penghasilan secara langsung atau tidak langsung. Tanpa cadangan anda semua, tidak mungkin cadangan projek ini dapat disediakan. Terima kasih.

Tajuk	Halaman
Abstrak	ii
Penghargaan	iv
Senarai jadual	v
Senaraiajah	v
1. Pengenalan	1
1.1 Tulisan jawi	1
1.2 Masalah yang dihadapi	2
1.3 Alasan sokongan untuk membaca dan menulis dalam jawi (support tools to read and write in jawi)	5
1.3.1 Objektif dan kegunaan projek	6
1.3.2 Skop projek	7
1.4 Jangkaan projek	7
2. Rujukan literatur	11
2.1 Senarai senikit mengenai al tulisan jawi	11
2.2 Mamperial tulisan jawi	12
2.3 Kajian mengenai tulisan jawi	14
2.4 Kajian mengenai tulisan jawi	32
2.5 Kajian mengenai tulisan jawi	33
3. Metodologi	37

Isi Kandungan

	Tajuk	Halaman
	Abstrak.....	ii
	Penghargaan.....	iv
	Senarai jadual.....	ix
	Senarai rajah.....	x
1	Pengenalan	1
	1.1 Tulisan jawi	1
	1.2 Masalah yang dihadapi	2
	1.3 Alatan sokongan untuk membaca dan menulis dalam jawi (support tools to read and write in jawi)	5
	1.3.1 Objektif dan kepentingan projek	6
	1.3.2 Skop projek	7
	1.4 Jangkamasa projek	7
2	Kajian Literasi	11
	2.1 Serba sedikit mengenai tulisan jawi	11
	2.2 Mengenal tulisan jawi	12
	2.3 Kaedah menjeja jawi	14
	2.4 Kajian yang di jalankan berdasarkan sumber	32
	2.5 Kajian terhadap perisian lain	33
3	Metodologi	37

3.1 Pendekatan yang digunakan	37
3.1.1 Konsep yang digunakan	38
3.2 Teknik Kepintaran buatan yang digunakan	39
3.3 Modul perisian yang digunakan	43
4 Analisis Sistem	46
4.1 Keperluan sistem perisian	46
4.1.1 Keperluan kefungsiian	47
4.1.2 Keperluan bukan kefungsiian	47
4.2 Peralatan yang digunakan	48
4.2.1 Visual Basic 6.0	48
4.2.2 Access 2000	51
4.2.3 Jawi writer	51
4.3 Perkakasan	51
5 Rekabentuk sistem	53
5.1 Pengenalan	53
5.2 Rekabentuk perisian	53
6. Perlaksanaan / Pembangunan Sistem	58
6.1 Koding yang digunakan untuk form mari mengeja.	58
6.2 Berikut merupakan koding untuk form latihan	63
6.3 Menjadikan sistem sebagai <i>package</i>	70
7. Pengujian Sistem	72
7.1 Ujian unit dan integrasi	72
7.2 Ujian Sistem (<i>system testing</i>)	73

7.3 Ujian Penerimaan	74
----------------------	----

8. Kesimpulan	75
---------------	----

8.1 Masalah	75
-------------	----

8.2 Perisian yang ada di pasaran	76
----------------------------------	----

8.2.1 Penyelesaian yang wujud	76
-------------------------------	----

8.3 Jawi Writer	77
-----------------	----

8.4 Kelebihan Sistem	77
----------------------	----

8.5 Kelemahan Sistem	78
----------------------	----

Rujukan

Bibiliografi

Apendiks (A)

Apendiks (B)

Senarai jadual

Bil	Tajuk	Halaman
1.1	Perancangan yang dijalankan sewaktu WXES 3181	7
1.2	Garis masa WXES 3181	8
1.3	Perancangan yang dijalankan sewaktu WXES 3182	9
1.4	Garis masa WXES 3182	10
2.1	Huruf-huruf jawi(tengah),cara menyebut huruf jawi(atas)dan padanan huruf jawi(bawah)	13
3.1	Antar muka untuk latihan	20
4.1	Form Matri Mengenal selat dan dawaikan fail EXE	62
4.2	Form fail dan selat fail juga dawaikan fail EXE	70

Senarai rajah

Bil	Tajuk	Halaman
3.1	Model finite state transducer (FSTs)	42
3.2	Model V	45
5.3	Antaramuka untuk membaca	53
5.4	Antaramuka untuk main menu	54
5.5	Antaramuka untuk mengenal huruf dan suku kata	54
5.6	Antaramuka untuk mari mengeja	55
5.7	Antaramuka untuk latihan	56
6.1	Form Mari Mengeja sebelum dijadikan fail EXE	62
6.2	Form latihan sebelum ianya dijadikan fail EXE	70

BAB 1

PENGENALAN

Bab 1 Pengenalan

1.1 Tulisan jawi

Tulisan jawi merupakan medium tulisan yang pertama bagi bahasa melayu selama 700 tahun (sejak abad ke 13 sehingga pertengahan abad ke 20). Tulisan jawi telah mendapat saingan dengan tulisan rumi apabila jabatan pelajaran negeri-negeri melayu bersekutu dan jabatan pelajaran negeri melayu tidak bersekutu telah menggunakan tulisan rumi yang diperkenalkan oleh penjajah.

Tulisan jawi kini yang dianggap semakin terpinggir telah berjaya mendapat perhatian masyarakat sekeliling untuk meningkatkan lagi penggunaannya. Berbagai cara telah dilakukan untuk memastikan ianya terus hidup. Malahan ianya boleh didapati dalam bentuk perisian juga.

Kehadiran tulisan rumi ekoran kemasukkan orang eropah ke tanah melayu pada tahun 1511, menyebabkan penggunaan tulisan jawi semakin terpinggir sehingga ada diantara kita yang tidak boleh membaca dan mengeja jawi dengan baik. Seni warisan ini juga semakin kurang diketahui oleh generasi muda sekarang. Situasi ini mungkin disebabkan faktor tulisan jawi kehilangan kedudukannya selepas akta bahasa kebangsaan diistiharkan. Mata pelajaran jawi itu sendiri tidak lagi menjadi mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah pada masa kini. Pelajaran tulisan jawi hanya diwajibkan di sekolah rendah agama sahaja. Malahan pendedahan media terhadap tulisan jawi ini tidak sehebat tulisan rumi. Semakin hari, tulisan jawi yang menjadi tulisan rasmi harian satu masa dahulu telah diabaikan terutamanya oleh golongan muda generasi kini.

1.2 Masalah yang dihadapi

Apabila pengistiharaan akta bahasa kebangsaan pada tahun 1963 menetapkan bahawa bahasa melayu ditulis dengan menggunakan tulisan rumi telah mengakibatkan tulisan jawi hilang kedudukannya dalam bidang pendidikan. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila akta 63/67 dikuatkuasakan mulai 1hb Julai 1971. walaupun pada prinsipnya akta tersebut tidak bermaksud menghapuskan tulisan jawi tetapi ia mempunyai pengaruh kepada kesan jangka panjang pupusnya tulisan jawi.

Hakikat kepupusan tulisan jawi dikalangan orang melayu mula mendapat reaksi pelbagai pihak seperti pendidik, tokoh-tokoh budaya, ahli-ahli agama dan termasuk juga ahli-ahli politik. Media masa seperti media cetak elektronik turut memberi sokongan dengan menyediakan ruang untuk memuatkan rencana tentang pendapat dan sungutan daripada pelbagai pihak berhubung dengan fenomena kepupusan ini. Di antara keluhan yang lahir tentang ketidakupayaan generasi muda membaca jawi tersiar di akhbar – akhbar serta majalah-majalah tempatan dalam tahun 1980-an.

“generasi muda yang dilahirkan selepas merdeka tidak lagi mempunyai kemahiran membaca dan menulis jawi ukuran dapat diambil daripada semakin berkurangnya penerbitan dalam tulisan jawi dan bezanya sambutan terhadap penerbitan bahan yang menggunakan tulisan jawi seperti akhbar utusan melayu, utusan jawi, utusan zaman dan majalah yang diterbitkan dalam bahasa jawi”

(Utusan Melayu, 23 Oktober 1987)

Berdasarkan kajian tinjauan yang dibuat oleh DBP dalam tahun 1988, mendapati kebanyakan penggunaan tulisan jawi dikalangan orang muda merosot bagi kelompok yang berumur 20-29 tahun, hanya 32% yang boleh mengenali huruf jawi dan membaca jawi sahaja. Fenomena tersebut amat berbeza dengan responden yang berumur 40 tahun ke atas, yang 100% mampu membaca dan menulis jawi.

Beberapa soal selidik telah dilakukan ke atas beberapa sampel mengenai masalah yang dihadapi semasa membaca jawi. Diantaranya adalah:

- Tidak mengenal huruf jawi setelah ianya disambungkan
- Lambat dan mengalami kesukaran untuk mengecam huruf jawi
- Sukar dan tidak tahu untuk membunyikan huruf jawi berkenaan
- Sukar mengeja dalam tulisan jawi
- Tulisan jawi itu sendiri mengalami banyak perubahan jadi sukar untuk membezakan antara ejaan lama dengan ejaan baru.

Berdasarkan seminar yang ditulis oleh Haji Zain Abidin Abdul Kadir (ketua pengarah bahagian hal ehwal perdana menteri) mengenai kemerosotan tulisan jawi di Malaysia serta faktor dan cara atasinya, telah menyatakan, di antara 36 huruf jawi, ada 14 huruf yang nilai bunyinya tidak sesuai dengan lidah melayu sedangkan di antara huruf rumi hanya 5 huruf (f,q,x,v,z) sahaja yang tidak sesuai dengan lidah melayu.

Berdasarkan tesis yang ditulis oleh Dewi Maslehah dari fakulti pendidikan yang bertajuk "Pengajaran bacaan jawi menggunakan kaedah gabungan bunyi kata dengan

bantuan huruf jawi” telah menjelaskan beberapa punca kelemahan pelajar dalam menguasai jawi. Di antaranya adalah:

- Peruntukan waktu pembelajaran yang tidak mencukupi
- Pelajaran jawi ini tidak dimasukkan ke dalam peperiksaan akhir tahun menyebabkan pelajar mengambil mudah mengenainya.
- Pelajar kurang minat kepada kerana ejaannya yang sukar.
- Kurangnya peranan dari ibu bapa mengenai pentingnya jawi

Tesis yang bertajuk “Penilaian terhadap kemahiran membaca jawi di kalangan murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di wilayah persekutuan” yang telah ditulis oleh saudari Juhaida bt Mat Lia di mana beliau telah membuat beberapa kajian mengenai penggunaan jawi dikalangan pelajar sekolah. Kajian beliau telah dijalankan ke atas 80 pelajar yang telah dipilih sebagai sampel . 40 orang dari kelas yang baik (p), terdiri daripada 21 perempuan dan 19 lelaki, dan 40 orang dari kelas yang sederhana (q) yang terdiri daripada 9 perempuan dan 31 lelaki. Sampel yang terpilih daripada kaum , latar belakang keluarga dan taraf sosio ekonomi yang berbeza-beza. Data untuk kajian ini diperolehi melalui jawapan kepada soalan daripada berbagai bentuk . Data dianalisa melalui sistem SPSS dan menggunakan min, peratus min dan ujian –t.

Secara keseluruhannya terdapat perbezaan pencapaian yang ketara antara murid-murid kelas (p) dengan murid-murid kelas (q). Hanya 30 % sahaja yang berjaya menjawab antara 25-35 soalan. Di dapati secara keseluruhannya murid-murid mudah menjawab soalan di dalam bahagian E (menukar perkataan jawi kepada rumi) dan mereka mendapati sukar menyambungkan ayat dan menukar perkataan rumi kepada

jawi. Di dapati juga tahap pencapaian murid-murid yang pernah menghadiri sekolah rendah agama adalah lebih baik daripada murid-murid yang tidak pernah belajar di sekolah rendah agama.

Berdasarkan penganalisan data juga, didapati dalam kelas (p), iaitu kelas yang baik, tidak terdapat perbezaan tahap pencapaian pemahaman antara murid lelaki dan murid perempuan. Tetapi dalam kelas (q), iaitu kelas sederhana, terdapat tahap pencapaian antara murid lelaki dan perempuan, iaitu murid perempuan lebih baik pencapaiannya berbanding dengan murid lelaki

1.3 Alatan Sokongan Untuk Membaca dan Menulis Dalam Jawi(Support tool to learn read and write in jawi.)

Alatan sokongan untuk membaca dan menulis dalam jawi (Support tools to learn write and read in jawi) adalah merupakan satu perisian yang membantu untuk memudahkan lagi pembelajaran jawi dari segi tulisan dan juga pembacaan. Pengguna akan diajar kaedah dan teknik membaca berdasarkan suku kata. Saya telah ditugaskan untuk membangunkan perisian yang membantu dari segi pembacaan jawi dan pengejaannya untuk mereka yang ingin meningkatkan lagi mutu pembelajaran jawi. Dengan adanya perisian ini diharap ianya boleh meningkatkan lagi minat seseorang itu untuk membaca jawi. Bagi mereka yang menghadapi masalah untuk membaca jawi, perisian ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya bagi pelajar yang baru terdedah dengan jawi. Ianya sekaligus mengurangkan golongan buta jawi di kalangan masyarakat setempat.

1.3.1 Objektif dan kepentingan projek

Projek ini dibangunkan untuk membantu pengguna yang ingin menguasai kaedah pembacaan dan juga pengejaan jawi. Ianya sekaligus menaikkan kembali martabat tulisan jawi yang mana sejak kebelakangan ini tulisan jawi hanya digunakan di dalam pelajaran agama sahaja. Dengan adanya perisian ini diharap ianya dapat membantu para pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan sekali dengan menggunakan kaedah yang agak berbeza dengan yang dulu. Perbezaan yang dapat dilihat di sini adalah dari segi penyampaian maklumat. Teknik pembelajaran yang lama menggunakan kertas untuk menyimpan data manakala teknik pembelajaran yang baru hanya menggunakan perisian-perisian yang terdapat di pasaran sahaja. Di antara objektif untuk membangunkan sistem yang memudahkan dari segi pembacaan jawi adalah seperti berikut:

- Mendededahkan cara pengejaan dalam jawi sekaligus membolehkan pengguna membaca jawi.
- Alat bantuan kepada mereka yang ingin belajar membaca jawi.
- Sebagai alat bantu mengajar bagi kepada guru-guru dan ibu bapa

1.3.2 Skop projek

Sasaran pengguna untuk sistem ini adalah mereka yang baru menguasai jawi dan boleh mengecam asas-asas huruf jawi. Biasanya mereka ini berada di dalam lingkungan umur 8-12 tahun. Ianya sesuai juga bagi mereka yang ingin meningkatkan lagi cara pembacaan jawi.

1.4 Jangkamasa pembangunan projek

Pada peringkat ini , proses pemahaman projek dan kajian mendalam berkenaan aplikasi yang ingin dibina dilakukan . objektif dan skop aplikasi juga ditentukan . keperluan pembangunan seperti perkakasan , perisian serta rekabentuk kasar juga ditentukan.

Aktiviti yang dijalankan untuk WXES 3181.

Jadual 1.1 perancangan yang dijalankan sewaktu WXES 3181

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Memilih tajuk tesis	19/5-25/5
2	Rujukan tesis bekas pelajar	3/6-22/6
3	Membuat rujukan mengenai masalah mambaca jawi	3/6-22/6
4	Kajian perisian yang sedia ada	8/7-20/7
5	Kajian mengenai tajuk dan pendekatan yang akan digunakan	22/7-31/7
6	Analisis akhir mengenai kajian yang telah dibuat	1/8-10/8
7	Analisis terhadap perisian yang digunakan	1/8-10/8
8	Rekabentuk ringkas mengenai perisian	12/8-17/8
9	Mengenal pasti ciri-ciri perisian	18/8-24/8

Aktiviti	Mei	Jun	Julai	Ogos
Pilih tajuk tesis				
Rujukan tesis terdahulu				
Mengenal masalah				
Kajian perisian yang sedia ada				
Kajian mengenai pendekatan yang diperlukan				
Kajian peralatan yang ingin digunakan				
Analisis mengenai kajian yang dibuat				
Analisis terhadap perisian yang digunakan				
Reka bentuk ringkas mengenai perisian				
Mengenal pasti ciri-ciri perisian				

Perancangan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk WXES 3182.

Jadual 1.3 perancangan yang dijalankan sewaktu WXES 3182

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Membangunkan sistem	28/9-1/12
2	Pengujian sistem	2/12-21/12
3	Penyelenggaraan	1/12-11/1
4	Dokumentasi	12/1-31/1

Jadual 1.4 Garis masa 3182

Aktiviti	Sept		Okt		Nov		Dis		Jan	
Membangunkan Sistem										
Pengujian Sistem										
Pengujian dan Penyelenggaraan										
Dokumentasi										

2.1 Definisi Kajian Literasi

Tujuan dari bab ini adalah untuk memberikan gambaran umum tentang kajian literasi.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

BAB 2

KAJIAN LITERASI

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Proses kajian literasi meliputi membaca, memahami, menganalisis, dan menyimpulkan.

Kajian literasi adalah proses untuk memahami dan menganalisis informasi yang disajikan dalam bentuk tulisan.

Bab 2 Kajian Literasi

2.1 Serba sedikit mengenai tulisan jawi

Tulisan jawi berasal daripada huruf Arab yang disesuaikan dengan keperluan dan sifat fonologi bahasa Melayu. Tulisan jawi pada peringkat awalnya mengalami perkembangan yang cukup pesat melalui sistem pendidikan agama, sama ada di pondok pengajian mahupun di masjid. Pendidikan agama sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan tulisan jawi kerana pendidikan agama menekankan pengajian al-Quran yang menggunakan bahasa Arab.

Sebagai warisan tamadun Melayu, tulisan jawi mempunyai kedudukan yang istimewa dalam konteks perkembangan kebudayaan Melayu seiring dengan perkembangan bahasa Melayu pada ketika itu. Tulisan jawi menjadi begitu penting dalam semua urusan. Hal ini terbukti apabila surat-menyurat di tulis dalam tulisan jawi serta komunikasi antara orang melayu dengan Inggeris juga menggunakan tulisan jawi. Dalam era penjajahan Inggeris pula, pegawai Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu, bukan sahaja terpaksa menguasai Bahasa Melayu, tetapi juga menguasai tulisan jawi, bagi memudahkan urusan mereka dengan pemerintah Melayu.

Tulisan jawi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat melayu sehinggalah kedatangan Inggeris sekaligus memperkenalkan tulisan rumi kepada masyarakat tempatan melalui penubuhan sekolah Inggeris

dan kemudian di sekolah Melayu pula. Sungguhpun begitu, golongan yang lahir daripada sistem pendidikan Inggeris masih mampu menguasai tulisan jawi kerana sejak kecil lagi, mereka telah didedahkan dengan pengajian al-Quran secara tidak formal. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, tulisan rumi digunakan secara meluas dalam urusan pentadbiran dan pendidikan. Hal ini menyebabkan penggunaan tulisan jawi terpinggir daripada arus perdana. Generasi yang lahir selepas itu tidak dapat lagi melihat peranan dan fungsi tulisan jawi, kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama.

2.2 Mengetahui tulisan jawi

Sepertimana tulisan bahasa arab, tulisan jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri . sistem tulisan jawi tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan rumi. Terdapat 36 huruf bentuk tunggal dalam sistem abjad jawi bahasa melayu yang terkini. Namun begitu, akan terdapat perubahan dari segi struktur bentuk huruf bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf lain di dalam penulisan sesuatu perkataan.

Merujuk kepada dewan bahasa pula dalam edisi pertama dan keduanya, satu huruf baru telah diperkenalkan iaitu konsonan untuk melambangkan huruf 'v' dalam tulisan rumi. Lambang yang di anjurkan ialah ; (v). selain itu terdapat juga huruf-huruf tambahan iaitu

گ (g), ف (p), ڤ (ny), چ (c), dan غ (ng). Huruf-huruf jawi beserta dengan padanan huruf ruminya disenaraikan di dalam jadual berikut :

2.3 Kaedah mengeja Jawi

Berdasarkan buku pedoman rima jawi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1999)

Jadual 2.1 : huruf-huruf jawi (tengah), cara menyebut huruf jawi (atas) dan padanan huruf jawi (bawah)

Jim ج j	Tha' ث s(th)	Ta' ة h,t(t)	Ta' ت t	Ba' ب B	Alif ا a
Zai ز Zai	Ra' ر Ra'	Dzal ذ z(dh)	Dal د d	Kha' خ Kh	Ha' ح h(h)
Zha' ظ Z(z)	Tho' ط t(t)	Dhad ض d(d)	Shad ص s(s)	Syin ش Sy(sh)	Sin س s
Lam ل l	Kaf ك k	Qaf ق k(q)	Fa' ف f	Ghain غ Gh	Ain ع a,k(')
Ya' ي Y, I, e	Haamzah ء k(')	Hha' ه h	Wau و w,u,o	Nun ن N	Mim م m
Va و v	Pa ف p	Nya ن ny	Nga غ ng	Ga ك G	Ca چ c

2.3 Kaedah mengeja jawi

i) Berdasarkan buku pedoman ejaan jawi terbitan dewan bahasa dan pustaka (1999) yang mana ianya menerangkan beberapa cara penggunaan jawi melalui suku kata.

1 Kata dasar dua suku kata

Boleh dibahagikan kepada empat pola yang berikut:

- A. suku kata terbuka + suku kata terbuka
- B. suku kata tertutup + suku kata terbuka
- C. suku kata terbuka + suku kata tertutup
- D. suku kata tertutup + suku kata terbuka

A. kata dasar suku kata terbuka + suku kata terbuka

- i) kaedah yang selalu menimbulkan masalah adalah yang melibatkan kedua-dua suku katanya melibatkan *vokal a* . Ada kata yang dieja dengan menggunakan huruf **ا** sebagai penanda vokal a di akhir suku kata dan ada kata yang tidak ditandai langsung dengan huruf vokal tetapi bunyinya tetap suku kata a.

kaedah yang digunakan untuk membezakan cara mengeja adalah :

kaedah **درل و ش**

contohnya

ساوا - sawa ; بارا - bara

- ii) suku kata kedua sesuatu kata tidak dimulakan oleh salah satu huruf ini, ejaannya menggunakan vokal pada suku kata pertama sahaja.

Contohnya

ساي - saya ; راي - raya

kecuali pada : ماك - maka

- iii) kaedah mengeja yang tidak menimbulkan masalah apabila terdapatnya gabungan vokal adalah seperti contoh berikut :

a + i

راكي - ragi ; ماري - mari

kecuali: داري - dari

a + u

كارو - garu ; فارو - paru

i + a

بيلا - bila ; تبا - tiba

kekecualian: ک کيت, ليم, dan kata-kata dari kaedah ک ک

i + i

تی - titi ; پی - pipi

kekecualian: این - ini dengan vokal a. Ianya dieja dengan menggunakan vokal

i + u suku kata pertama. Contohnya

تیرو - tiru ; پیرو - nyiru

kekecualian: ایت - itu

e + a

بیتا - beta ; سیوا - sewa

Kecuali : kata-kata yang terbina daripada kaedah ک ک (rujuk bahagian A iv)

u + a

چوبا - cuba ; فوجا - puja

u + i pada kata-kata suku kata pertama diakhiri oleh vokal [u]. Ejaan kata ini

گولی - guli ; کولی - kuli

u + u

بولو - bulu ; کوکو - kuku

- iv) kaedah ک کن timbul jika suku kata pertama terdiri daripada gabungan konsonan dengan vokal [ə]. Ada yang dieja tanpa sebarang vokal dan ada yang kata-kata yang mana suku kata keduanya terdiri daripada gabungan konsonan-konsonan ک کن atau ک ک dengan vokal a. Ianya dieja dengan menggunakan vokal pada suku kata pertama. Contohnya

a + a

راڱ - raga ; ساڱ - saka

kecuali pada : ماڱ - maka

i + a

تيڱ - tiga ; ليڱ - liga

e + a

ميڱ - mega ; ليڱ - leka

- v) satu lagi kaedah mengeja kata dasar pola ini yang tidak menimbulkan masalah ialah pada kata-kata suku kata pertama diakhiri oleh vokal [ə]. Ejaan kata ini hanya menggunakan vokal pada suku kata kedua. Contohnya:

بلا - bela ; تڪا - teka

B. kata dasar suku kata tertutup + suku kata terbuka

- i) Masalah sering timbul jika suku kata pertama terdiri daripada gabungan konsonan dengan vokal [ə]. Ada yang dieja tanpa sebarang vokal dan ada yang dieja dengan vokal pada suku kata kedua. Untuk keselarasan kaedah mengeja menggunakan vokal pada suku kata kedua digunakan. Contohnya :

ə + a

سربا - serba ; سرتا - serta

ə + i

فرلي - perli ; فركي - pergi

ə + u

فردو - perdu ; فرلو - perlu

- ii) Masalah yang sama juga timbul pada kata-kata yang suku kata pertama terdiri daripada gabungan konsonan dengan vokal a. Terdapat kata-kata dieja tanpa sebarang vokal dan ada pula yang dieja tanpa menggunakan sebarang vokal pada suku kata kedua sahaja. Untuk keselarasan kaedah berikut digunakan:

- a. mengeja tanpa menggunakan vokal pada mana-mana suku kata apabila suku kata kedua terdiri daripada gabungan konsonan ك or ك contohnya:

هرک - harga ; ورک - warga;

- b. mengeja dengan menggunakan vokal pada suku kata kedua sahaja tanpa gabungan konsonan seperti a. contohnya:

a + a

هـرتا - harta; ورنـا - warna

a + i

چنـدي - candi; جمـقي - jampi

a + u

بـچكو - bangku; بلـدو - baldi

- iii) Hukum ك , ك Digunakan juga untuk menyelaraskan ejaan kata-kata suku kata pertama mengandungi vokal i atau u. untuk kata jenis ini ejaan hendaklah menggunakan vokal pada suku kata pertama sahaja. Contohnya:

i + a

بيـثـكـي - bingka; جـثـكـي -jingga

u + a

مـورـكـ - murka

syurga - شرـك : kekecualian

- iv) Apabila tidak terdapat gabungan konsonan dengan vokal seperti yang disebut pada (iii) kaedah mengeja ialah mengeja dengan menggunakan vokal pada kedua-dua suku kata. Contohnya :

i + a

ريمبا - rimba

i + i

ميمقي - mimpi

i + u

ريندو - rindu

u + a

فونچا - Punca

u + i

كونچي - kunci

u + u

بونتو - buntu

C. Kata dasar suku kata terbuka + suku kata tertutup

- i. kaedah mengeja dengan tidak menggunakan huruf vokal pada mana-mana suku kata apabila terdapat gabungan konsonan dengan vokal ə pada suku kata pertama dan suku kata kedua mengandungi huruf vokal a. contohnya :

ə + a

بله - belah

چکیک - cekik

huruf vokal digunakan untuk melambang pemula kata. Contohnya :

-anak

mengeja dengan menggunakan huruf vokal pada suku kata pertama sahaja apabila terdapat gabungan-gabungan huruf vokal seperti yang berikut.

Contohnya:

a + a gan huruf vokal seperti yang berikut. Contohnya :

انق - anak

هالیک - halik

e + a

میره - merah

جاروم - jarum

i + a

کيسر - Kisar

کيسر - kisar

o + a

روسق - Rosak

روسق - rosak

u + a

چورغ - curang

چورغ - curang

mengeja dengan menggunakan vokal pada suku kata kedua sahaja apabila terdapat gabungan huruf vokal seperti berikut. Contohnya:

ə + i

چكيق - cekik

ə + u

جروق - jeruk

mengeja dengan menggunakan vokal pada kedua-dua suku kata apabila terdapat gabungan huruf vokal seperti yang berikut. Contohnya :

a + i

باليق - balik

a + u

جاروم - jarum

e + e

چيريق - cerek

e + o

بيلون - belon

i + i

ڦيليه - pilih

i + u

ليتوف - litup

o + e

دوغينغ - dongeng

o + o

چوموت - comot

u + i

بوكيت - bukit

u + u

بوسوت - busut

kaedah mengeja yang menggunakan dua huruf vokal pada kedua-dua suku kata digunakan juga pada kata yang mengandungi rentetan dua huruf vokal.

Contohnya:

ia

سياغ - siang

ua

بواه - buah

D. kata dasar suku kata tertutup + suku kata tertutup

kaedah mengeja kata-kata jenis ini sudah mantap oleh itu tiada keselarasan atau perubahan yang dilakukan terhadap kaedah ini. Pembahagian kaedah adalah seperti yang berikut:

- i. mengeja dengan menggunakan vokal pada mana-mana suku kata apabila terdapat gabungan-gabungan vokal seperti yang berikut. Contohnya:

a + a

بَعْكَعْ - bangkang

ə + a

تَمَقَّة - tempat

- ii. mengeja dengan menggunakan huruf vokal pada suku kata pertama sahaja apabila terdapat gabungan-gabungan vokal seperti yang berikut. Contohnya:

i + a

بِیْنَتَغ - bintang

o + a

تَوَعْكَت - tongkat

u + a

سومقه - sumpah

- iii. mengeja dengan menggunakan huruf vokal pada suku kata kedua sahaja apabila terdapat gabungan vokal seperti yang berikut. Contohnya :

a + i

بينتيغ - banting

a + o

لنچوغ - lancong

a + u

چمقور - campur

a + i

برتيه - bertih

ə + u

دغكور - dengkur

- iv. mengeja dengan menggunakan huruf vokal pada kedua-dua suku kata apabila terdapat gabungan–gabungan vokal seperti yang berikut. Contohnya :

ə + u

چيندول - cendol

i + i

بـمبـيـغ - bimbing

i + u

رـيـمـبـون - rimbun

o + e

مـونـتـيل - montel

o + o

جـونـجـونـگـ - jongkong

u + i

بـونـتـيل - buntil

u + u

لـومـقـور - lumpur

2 kata dasar tiga suku kata

Ejaan kata dasar tiga suku kata tidaklah rumit kerana kata jenis ini hanya dengan pertambahan satu suku kata baru pada kata dasar dua suku kata. Kaedah mengeja suku kata yang ditambah itu adalah sama dengan kaedah gabungan vokal dan konsonan seperti yang disebut pada contoh dalam ceraiian (1).

3 Kata dasar satu suku kata

Dalam daftar ejaan jawi-Rumi Za'ba ejaan kata dasar ini sudah seragam oleh itu tiada keselarasan atau perubahan yang perlu dilakukan.

4 Kata-kata pinjaman daripada bahasa asing

i) Kata pinjaman daripada bahasa arab

a. kata-kata pinjaman yang merupakan istilah agama Islam hendaklah dieja seperti ejaan Arab yang asal. Contohnya :

وضوء - wudu'

b. kata-kata pinjaman Arab yang sudah menjadi kata-kata umum dalam bahasa melayu hendaklah dieja mengikut bunyi bahasa melayu. Contohnya:

سابون - sabun

ii) kata-kata pinjaman daripada bahasa lain

a. gunakan huruf konsonan ق untuk kata-kata dalam bahasa melayu. Contohnya :

باليق - baik

b. gunakan huruf konsonann ك untuk kata-kata pinjaman daripada bahasa asing selain

قوليتيک - politik

c. untuk kata pinjaman daripada bahasa Arab penggunaan ق, ک atau ء hendaklah

dikekalkan seperti yang ada dalam bahasa asalnya . contohnya :

مشرک - mushrik

iii) **kata-kata pinjaman yang diakhiri oleh gugusan konsonan hendaklah dieja seperti berikut :**

سائنس - sains

Huruf konsonan V mesti diceraikan dengan konsonan pra akhir kerana tulisan berangkai akan menjadikan suku kata yang baru. Contohnya:

نس menjadi nas

Alasan kaedah ini diperkenalkan ialah supaya kata-kata tersebut tidak di salah bunyikan seperti *sainas*, *kompleks*, dan *ekuiinokas*. Sekiranya gugus konsonan di akhir kata tidak menimbulkan suku kata baru maka ejaannya hendaklah dirangkaikan. Contohnya :

دواليسي - dualisme

5 kata-kata yang sama ejaan tetap berlainan makna

Dalam daftar ejaan Za'ba ada banyak kata yang berlainan makna tetapi dieja serupa.

Contohnya:

dua bunyi dan makna berlainan

لنتيق - lantik lentik

supaya perbezaan makna mudah dikesan, ejaan kata-kata jenis ini dibezakan. Huruf ا

(alif) hendaklah ditambah kepada suku kata yang menjadi pembeza. Contohnya :

لانتيق - lantik لنتيق - lentik

kata dasar yang diakhiri oleh diftong au dan ai

Dalam daftar ejaan jawi-rumi Za'ba , diftong ini dilambangkan oleh او (au) , dan اي

(ai). Perlambangan seperti ini menyebabkan timbulnya kata-kata yang ejaannya serupa tetapi berlainan makna. Contohnya:

كولي - gula atau gulai

supaya perbezaan makna mudah dikesan kata-kata yang diakhiri oleh diftong ini hendaklah dieja dengan menggunakan kaedah yang berikut:

i. diftong au dilambangkan oleh او. contohnya:

لمقاو - lampau لمقو - lampu

ii. diftong ai dilambangkan oleh اي. contohnya :

كولاي - gulai گولي -guli

6 imbuhan dan kata depan

Dalam tulisan jawi semua imbuhan dan kata depan ditulis serangkai atau bersambungan dengan kata dasar.

i. imbuhan awalan yang sering digunakan dalam bahasa melayu ialah beR-, di- , ke-, meN-,peN-, se-, dan teR-

dalam tulisan jawi imbuhan-imbuhan ini dieja atau dilambang kan seperti berikut:

a. beR- : بـر

b. di : دـ

c. ke-: كـ

d. meN-: مـن, مـنـ, مـنـ

e. peN-: فـنـ, فـنـ, فـنـ

f. se-: س

g. teR-: تـتر

ii. imbuhan akhiran yang sering digunakan dalam bahasa melayu ialah -an , -i dan -

kan. Dalam tulisan jawi imbuhan-imbuhan ini ditulis seperti yang berikut:

a. -an: ان, ٺن

b. -i: ٺي, ٺي

c. -kan: کن

iii. imbuhan awalan -akhiran yang sering digunakan dalam bahasa melayu ialah

beR- an, di-I, di-kan , meN-I, meN-kan, dan peN-an.

Dalam tulisan jawi imbuhan-imbuhan ini ditulis seperti yang berikut:

a. beR- an: بر - ٺن, بر - ٺن, بر - ان

b. di-i : ٺي, ٺي, ٺي

c. di-kan : د-کن

d. ke-an: کن, ک-ٺن, ک-ان

e. meN-i: من-ئي، من-ي، مم-ئي، مم-ي، م-ئي، م-ي

f. meN-kan: مع-كن، من-كن، مم-كن، م-كن

2.4 Kajian yang dijalankan berdasarkan sumber berikut :

1. Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan kajian awal untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi menjayakan lagi projek ini. Pengumpulan maklumat dijalankan dengan teliti dan menyeluruh agar dapat memberikan garis panduan awal bagaimana untuk merangka proses pembangunan sistem di dalam bab seterusnya nanti. Kajian perpustakaan meliputi kajian yang dijalankan ke atas tesis-tesis pelajar Phd, sarjana dan juga sarjana muda yang pernah menjadi pelajar universiti malaya suatu ketika dahulu. Mereka ini datang dari pelbagai fakulti di antaranya adalah fakulti pendidikan dan juga fakulti sains komputer sendiri. Maklumat – maklumat berkenaan diambil secara rambang dan kemudiannya dianalisa supaya hanya maklumat yang penting sahaja boleh diperolehi. Kajian yang dijalankan bukan sahaja terhad kepada tesis-tesis pelajar yang lepas sahaja, ianya juga meliputi kertas persidangan, seminar, symposium, dan juga rencana. Segala maklumat ini didapati daripada perpustakaan utama dan juga perpustakaan za'ba.

2 Soal-selidik

Soal- selidik juga dijalankan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sendiri berkenaan dengan pembacaan jawi. Beberapa orang pelajar telah dikenalpasti untuk dijadikan sampel. Soal-selidik ini juga dijalankan dikalangan pelajar

Universiti Malaya berdasarkan pengalaman mereka yang pernah mempelajari tulisan jawi semasa permulaan. Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam lingkungan 10-14 tahun adalah mereka tidak dapat mengenal pasti masalah yang mereka hadapi. Justeru itu keputusan telah diambil untuk menjalankan kajian ke atas pelajar Universiti Malaya sendiri.

3. Temuramah

Beberapa sesi temu ramah juga telah diadakan kepada orang awam mengenai masalah membaca jawi di kalangan mereka. Sampel terdiri daripada pelbagai kategori latar belakang. Satu temuramah juga telah diadakan dengan Prof. Dato Dr. Ramlah Adam (pengerusi PENJAWIM) mengenai perkembangan tulisan jawi.

4. Internet

Pencarian maklumat juga ada menggunakan pencarian internet. Beberapa website telah dijelajahi untuk mendapatkan maklumat mengenai jawi dan juga perisian-perisian jawi yang terdapat di pasaran. Beberapa enjin pencaarian digunakan. Di antaranya adalah www.yahoo.com, www.google.com, www.teoma.com dan www.excite.com. Maklumat yang diperolehi terpaksa di tapis dan beberapa rujukan terpaksa dilakukan untuk memastikan maklumat berkenaan adalah sah.

2.5 Kajian Terhadap Perisian-Perisian yang Lain

Terdapat beberapa perisian yang dijadikan sebagai panduan dan juga rujukan untuk melengkapkan lagi projek ini. Walaubagaimanapun agak sukar untuk mencari perisian jawi di pasaran kerana ianya kurang mendapat tempat.

1. **Sistem SMART-jawi**

SMART-jawi adalah merupakan satu sistem pembelajaran yang dihasilkan dalam bentuk CD. Ia memperkenalkan sebutan dan huruf-huruf jawi, mengajar teori asas pembacaan dan juga menunjukkan teknik penulisan huruf. Pengajaran disampaikan melalui paparan teks, grafik, audio, animasi serta video. SMART-jawi mempunyai pelbagai ciri-ciri multimedia yang dapat membantu menarik minat pengguna. Ia juga mempunyai ciri-ciri interaktif di mana pengguna boleh menjawab soalan-soalan latihan dan kuiz yang disediakan. Penggunaan imej grafik dan penggunaan latar belakang yang bewarna-warni dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Walaubagaimana pun terdapat juga aspek yang perlu dipertimbangkan pada SMART-jawi. Misalnya, teks yang tidak dapat dipaparkan sepenuhnya. Ini menyebabkan pengguna tidak dapat membaca maklumat yang ditulis. Masalah ini mungkin kurang dirasai kerana disamping penggunaan teks, SMART-jawi menggunakan suara yang membaca tulisan yang dipaparkan di atas skrin pengguna.

Masalah utama yang dihadapi adalah ianya hanya fokus kepada huruf-huruf jawi dan bagaimana untuk disambungkan antara satu sama lain. Pengguna tidak diberi peluang untuk menulis tulisan jawi berkenaan sebaliknya pengguna hanya dibenarkan untuk memilih ikon yang bersesuaian dengan kedudukan huruf. jadi agak sukar bagi pengguna berkenaan untuk mempraktikkan apa yang dilihat.

4. **Al-Arabiq**

2. **Laman web Jawi**

Laman web untuk mempelajari jawi merupakan salah satu laman web yang dibina oleh pelajar juga. Laman web ini cuba memperkenalkan kepada orang ramai

mengenai teknik yang digunakan dalam penulisan jawi. Pengguna akan diajar cara penulis jawi dan semasa sesi latihan, pengguna boleh menulis huruf jawi berkenaan dengan menggunakan papan kekunci. Ia memberi peluang kepada pengguna untuk meningkatkan lagi tahap pemahaman mereka. Walaubagaimanapun, laman web ini adalah tidak fokus kepada cara pengejaan. Seseorang yang tidak boleh mengeja jawi tidak akan boleh menulis jawi dengan lancar. Pada pendapat saya pembangun laman web ini seharusnya menimbangkan faktor mengeja jawi kerana ianya merupakan salah satu kaedah untuk belajar membaca dan menulis jawi (berdasarkan seminar yang disampaikan oleh Isahak Haron)

3. Alif Ba Ta dan Yassen

Alif Ba Ta dan Yassen merupakan satu perisian yang interaktif dan menarik. Di dalam perisian berkenaan terdapat satu ruangan yang mana memperkenalkan huruf-huruf jawi berdasarkan objek-objek. Contohnya pengguna menekan huruf (ba) dan ianya akan 'link' kepada suatu 'page' lain yang akan menyenaraikan kedudukan huruf (ba) melalui perkataan-perkataan bahasa arab. Pengguna juga diberi peluang untuk merekodkan suara mereka sendiri dan mereka boleh mendengar kembali suara yang telah direkodkan. Secara keseluruhannya perisian ini amat menarik dan ianya sangat sesuai digunakan untuk kanak-kanak yang ingin mempelajari bahasa arab.

4. Al-Arabiq

Ianya merupakan perisian yang sesuai digunakan untuk mereka yang berumur lebih daripada 18 tahun. Perisian ini memperkenalkan beberapa perkataan baru di dalam bahasa arab. Pengguna berpeluang menguji tahap prestasi mereka dengan beberapa

permainan. Pengguna juga berpeluang untuk merekodkan suara mereka seperti mana perisian alif ba ta dan yassen tadi. Terdapat beberapa kelemahan yang terdapat di dalam perisian ini di mana perkataan yang disebut di dalam perisian ini agak sukar dan penyebutannya juga tidak berapa jelas menyebabkan pengguna sukar menangkap apa yang dinyatakan oleh perisian berkenaan.

- Sistem ejaan bahasa melayu adalah bersifat fonemik.
- Kebanyakan suku kata dalam bahasa melayu adalah jelas dan mudah.
- Perkataan yang digunakan pada awal pendakutan ini telah pun mula diketahui maknanya oleh para pelajar.

Pendakutan ini mencadangkan agar para pelajar diperkenalkan kepada beberapa huruf vokal dan konsonan seterusnya membunyikan suku kata serta membaca perkataan yang bermakna. Cara ini akan membolehkan pelajar membaca beberapa perkataan dengan cepat, cekap serta faham apa yang dibacanya. Pelajar tidak perlu mengetahui semua abjad sebelum mereka boleh membaca. Kaedah membaca tulisan jawi ini dipermudahkan dengan menggunakan padanan huruf rumi.

Bahan bacaan diperkenalkan dari pada peringkat rendah kepada peringkat tinggi. Huruf yang diperkenalkan pada peringkat awal adalah huruf-huruf yang mudah dibentuk perkataannya iaitu perkataan yang menggunakan suku kata terbuka. Huruf-huruf yang

Bab 3 Metodologi

3.1 Pendekatan yang digunakan

Pendekatan yang saya gunakan adalah berdasarkan teknik pembacaan berdasarkan suku kata dalam seminar ‘mudah membaca dan menulis’ yang dipersembahkan oleh Isahak Haron. Menurutnya kaedah belajar membaca secara mudah ini di sesuaikan dengan pendekatan ‘gabungan bunyi kata’ yang telah dikemukakan oleh beliau sendiri untuk mengajar bahasa rumi diperingkat awal. Beliau menggunakan gabungan bunyi kata dalam bahasa rumi disebabkan :

- Sistem ejaan bahasa melayu adalah bersifat fonemik
- Kebanyakan suku kata dalam bahasa melayu adalah jelas dan mudah.
- Perkataan yang digunakan pada awal pendekatan ini telah pun mula diketahui maknanya oleh para pelajar.

Pendekatan ini mencadangkan agar para pelajar diperkenalkan kepada beberapa huruf vokal dan konsonan seterusnya membunyikan suku kata serta membaca perkataan yang bermakna. Cara ini akan membolehkan pelajar membaca beberapa perkataan dengan cepat, cekap, serta faham apa yang dibacanya. Pelajar tidak perlu mengetahui semua abjad sebelum mereka boleh membaca. Kaedah membaca tulisan jawi ini dipermudahkan dengan menggunakan padanan huruf rumi.

Bahan bacaan diperkembangkan daripada peringkat rendah kepada peringkat sukar. Huruf yang diperkenalkan pada peringkat awal adalah huruf-huruf yang mudah dibentuk perkataanya terutamanya perkataan suku kata terbuka. Huruf-huruf yang

jarang dalam pengejaan dikemukakan. Abjad jawi secara keseluruhan bersifat fonemik iaitu terdapat hubungan yang jelas antara satu simbol dengan satu bunyi (Isahak Haron, 1996).

3.1.1 Konsep Yang Digunakan

Daripada pendekatan yang disampaikan oleh Isahak Haron seperti yang terdapat di atas, saya telah memperkembangkan konsep ini di mana di dalam perisian ini akan terdapat satu ruangan untuk mari mengeja yang mana pendekatan yang digunakan serba sedikit mempunyai kaitan dengan konsep yang digunakan oleh Isahak Haron. Persamaannya adalah belajar membaca berdasarkan suku kata. Kelainan yang terdapat pada bahagian ini adalah dari segi, pengguna terpaksa memasukkan input dalam rumi berdasarkan suku kata yang hendak di eja. Kemudian sistem akan gelintar dan padankan dengan huruf jawi yang sesuai yang di simpan di dalam pangkalan data. Seterusnya proses morfologikal akan digunakan untuk mengeluarkan perkataan yang telah dimasukkan oleh pengguna berkenaan.

Sebagai contoh, pengguna ingin mengeja perkataan makan yang mana perkataan makan terdiri daripada dua suku kata iaitu *ma* dan *kan*. Pengguna akan memasukkan suku kata yang pertama iaitu *ma* ke dalam ruangan yang disediakan. Sistem akan gelintar dan memadankan huruf rumi *ma* dengan pangkalan data wujud. Akhirnya *ma* akan dipadankan dengan ما manakala *kan* pula dipadankan dengan كن . pada

akhirnya sistem akan menggunakan proses morfologikal untuk mengeluarkan perkatan

ماكن.

3.2 Teknik Kepintaran Buatan Yang Digunakan

Morfologi

Morfologi merupakan kajian berkenaan pembentukan sesuatu perkataan. Kajian morfologi adalah berkenaan dengan pembinaan perkataan daripada komponen-komponen asasnya (James Allen, 1995). Untuk membina sesuatu perkataan, terdapat dua cara yang boleh digunakan. Ianya dikenali juga sebagai dua jenis morfologi. Di antaranya adalah

- Bentuk *inflectional*
- Bentuk *derivational*

Bentuk *inflectional*

Ianya merupakan pembentukan perkataan baru dengan menggunakan 'suffix' kepada sesuatu perkataan supaya perkataan tersebut sesuai digunakan bagi sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat (James Allen, 1995). Kesemua perkataan baru yang dibentuk ini masih lagi mempunyai makna yang sama seperti perkataan asalnya.

Contohnya perkataan *jalan* merupakan perkataan asal dan apabila ditambah dengan suffix *ber-*, ianya akan menjadi perkatan *berjalan* .

Bentuk *derivational*

Bagi bentuk *derivational* pula, ianya melibatkan pembentukan perkataan baru daripada perkataan lain. Perkataan baru yang terbentuk ini akan memberi makna yang berbeza dengan perkataan asalnya (James Allen, 1995). Contohnya:

Friend – Friendly

Proses Morf (kawan) (peramah)

Analisis Morfologi

Analisis Morfologi pula bermaksud kajian berkenaan komponen bermakna bagi sesuatu perkataan (James Allen, 1995). Bagi sesuatu perkataan ia mungkin mengandungi beberapa bentuk morfologikalnya yang tersendiri di mana leksikon perlu mengandungi setiap bentuk bagi membentuk perkataan tersebut. Dari segi konteks bahasa, leksikon bermaksud pembendaharaan kata bagi sesuatu bahasa.

Affix terdiri daripada *prefix*, *suffix* dan juga *infix*. Di mana:

- *Prefix* : terdapat di permulaan perkataan dasar
- *Suffix* : terdapat di akhir sesuatu perkataan dasar
- *Infix* : boleh di dapati di pertengahan perkataan dasar

Contohnya kebanyakan kata kerja menggunakan set *suffix* yang sama untuk menunjukkan beberapa bentuk yang berlainan. Tanpa analisis morfologikal, leksikon perlu mengandungi setiapsatu bentuk sesuatu perkataan. Contohnya bagi kata kerja makan, terdapat juga beberapa bentuk lain yang boleh di dapati di antaranya adalah pemakanan, makanan dan memakan.

Proses Morfologi

Sistem yang mempunyai tatabahasa yang besar akan menghadapi masalah untuk mempersembahkan leksikon. Jadi salah satu cara yang boleh digunakan adalah dengan menggunakan proses morfologikal. Perkataan mungkin mengandungi morphem yang tunggal tapi biasanya ia mengandungi root word bersama-sama dengan *suffix*. Sebagai contoh : perkataan makanan berasal dari *root form* makan dan *suffix* -an. Jika tanpa mana-mana *preprocessing*, leksikon terpaksa menyenaraikan kesemua perkataan makan termasuklah pemakanan, memakan dan makanan. Bila wujudnya preprocessing ini, hanya akan ada satu morfem sahaja iaitu makan yang mana ianya akan disambungkan dengan *affix* pe-,pe-an,dan -an mengikut keperluan pengguna.

BAB 3

